

10 DEC 1998

PESTA HARTANAH/I

LAND AND GENERAL ADAKAN PESTA HARTANAH SELAMA SEBULAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Sempena Kempen Pemilikan Rumah, Land and General Bhd, kumpulan syarikat hartanah terdiri daripada Sri Damansara Sdn Bhd, Bandar Sungai Buaya Sdn Bhd, Lembah Beringin Sdn Bhd dan Navistar Sdn Bhd akan mengadakan pesta hartanahnya sendiri mulai Sabtu ini hingga 12 Jan, 1999.

Di Pesta Hartanah Land and General yang akan berlangsung di Kelab Sri Damansara di Bandar Sri Damansara, orang ramai boleh membuat pilihan daripada pelbagai harta yang sedang dimajukan di Bandar Sri Damansara, Bandar Sungai Buaya, Lembah Beringin dan Villa Putri.

Hartanah ini termasuk rumah teres, unit kondominium dan unit-unit perniagaan serta lot banglo dan rumah ladang, jelas Land and General dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Kempen Pemilikan Rumah, yang dijadual dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini, dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Bank-Bank Malaysia.

Land and General menyatakan bahawa selain daripada faedah-faedah yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan serta kerajaan semasa kempen ini, seorang pembeli mana-mana hartanah yang dimajukan oleh syarikat-syarikat hartanahnya akan menikmati faedah-faedah lain termasuk potongan harga sehingga RM118,000.

Hadiah-hadiah seperti perabot Lang Furniture percuma bernilai sehingga RM2,500 serta yuran peguam percuma bagi perjanjian jual beli dan pinjaman juga ditawarkan.

Land and General menambah bahawa syarikat-syarikatnya juga akan menawarkan "Skim Pembelian Rumah Lindungan Pemberhentian Kerja (RPHPS)" kepada pembeli-pembeli.

RPHPS yang dilancarkan pada bulan September tahun ini, adalah satu skim unik yang ditujukan khusus bagi pembelian rumah baru. -- BERNAMA

MFJ KY OS